

Mangsa banjir kilat akan dibantu

CAMERON HIGHLANDS

7 Sept. - Kerajaan negeri akan mencari jalan bagi membantu memulihkan semula kediaman dan premis di taman perumahan serta pekan Kampung Raja di sini yang terjejas akibat dilanda banjir kilat kelmarin.

Dalam kejadian hampir dua jam bermula pukul 1.45 pagi itu, sebanyak 36 kediaman di Taman Matahari Cerah, Klinik Desa Kampung Raja dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kampung Raja dinaiki air antara 0.7 meter hingga 1.1 meter ekoran hujan lebat di hulu Sungai Ikan, Sungai Telom serta sekitar kampung berkenaan.

Kejadian sama turut menyebabkan 52 premis perniagaan di pekan Kampung Raja dan Kawasan Perindustrian Ringan Matahari Cerah dinaiki air.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran negeri, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, bantuan pemulihan akan disalurkan selepas taksiran kerosakan disiapkan Pejabat Daerah dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Saya akan berbincang dengan pihak berkaitan berhubung bentuk bantuan yang perlu diberikan kepada mangsa dalam masa terdekat ini agar penduduk dan peniaga terjejas kembali selesa meneruskan aktiviti masing-masing," katanya selepas meninjau kawasan banjir kilat dan menyampaikan bantuan kepada penduduk di kampung tersebut semalam.

Menurut Wan Rosdy, sebanyak 20 buah yang terjejas teruk dikenal pasti dengan masing-masing menerima bantuan segera bernilai RM3,000.